

Pas akan keluarkan memorandum ciri-ciri negara Islam

KUALA LUMPUR 21 Feb. — Pas akan mengeluarkan satu memorandum tidak lama lagi bagi menjelaskan mengenai ciri-ciri negara Islam yang diperjuangkan parti itu.

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr. Mohd. Hatta Ramli berkata, memorandum itu juga sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu Pas menjelaskan ciri-ciri tersebut.

Katanya, Pas kini di peringkat akhir untuk menyediakan memorandum tersebut dan sebaik siap nanti, ia akan diumumkan oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

“Bagaimanapun saya tidak dapat menyatakan tarikh yang tepat tetapi ia akan diumumkan dalam tempoh terdekat ini.

“Memorandum ini akan menjawab persoalan-persoalan semasa dan tentunya ia disasarkan kepada rakyat yang Islam dan bukan Islam untuk menjelaskan kedudukan Pas sebagai kuasa politik,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menjadi ahli panel forum bertajuk Mitos Ancaman Islam - Kempen Terbaru Dunia Terhadap Islam? anjuran Persatuan Graduan Muda Malaysia, Persatuan Pemuda Negara dan Nanyang Siang Pau, di sini.

Menurut Dr. Hatta, Pas mendakwa adanya memorandum itu, ia mampu meyakinkan rakyat terutama bukan Islam mengenai negara Islam yang dimaksudkan parti itu.

Katanya, apa yang penting ialah untuk menjelaskan beberapa persoalan yang menimbulkan ketakutan dan kesangsian terhadap negara Islam Pas.